

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L  
GOWINDASAMY  
[KAPAR – PKR ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 51)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) apakah usaha-usaha Kerajaan Persekutuan untuk mempromosi dan memperkasakan sukan-sukan tempatan (tradisional) seperti wau, congkak, gasing, konda-kondi dan kabaddi di kalangan belia di Malaysia; dan
- b) apakah Kerajaan Persekutuan mampu meneliti cadangan untuk membina sebuah kompleks sukan di Parlimen Kapar untuk manfaat penduduk setempat. Parlimen Kapar mempunyai rekod pengundi dan kepadatan penduduk hampir 600 000 orang, maka adakah rekod sebegini akan diperhalusi oleh Kerajaan Persekutuan sebelum membuat keputusan terhadap cadangan pembinaan sebuah kompleks sukan di Parlimen Kapar.

**SULIT**

**JAWAPAN (A)**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menggalakkan penyertaan lebih ramai masyarakat khususnya golongan belia dalam melakukan pelbagai aktiviti sukan sama ada anjuran KBS atau persatuan / NGO.
2. Bagi mempromosi dan memperkasakan sukan tradisional, Malaysia telah mengambil bahagian dalam Kejohanan *TAFISA World Sport For All* ke-6 di bawah naungan UNESCO dan IOC yang berlangsung pada 6 – 12 Oktober 2016 di Jakarta, Indonesia. Kejohanan ini memainkan peranan penting dalam membentuk tamadun, budaya, identiti nasional, dan merentas sempadan perpaduan melalui sukan tradisional dengan anggaran penyertaan 12,000 orang dari 110 buah negara anggota.
3. Antara contoh aktiviti sukan tradisional yang dilaksanakan oleh masyarakat setempat semasa Hari Sukan Negara ialah gasing, boling kelapa, menarik upih, tarik tali, sepak raga dan sebagainya yang dimainkan secara lebih efektif boleh menarik golongan belia turut sama melakukan aktiviti ini.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,. Buat masa ini terdapat 14 buah Gelanggang Futsal 1 Malaysia dan 1 Gelanggang Futsal 1 Mukim yang dibina dibawah RMK9 dan RMK 10 di Parlimen Kapar yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk setempat. KBS tiada

**SULIT**

perancangan untuk membina kompleks sukan di Parlimen Kapar dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.